


Semakin tipis sikap bersangka baik dengan ulama silam yang mempunyai banyak pertimbangan dalam memberikan pandangan.

ULAMA SILAM TRADISI ILMU



Prof. Madya Dr Asmadi
Mohamed Naim
Dekan Pusat Perniagaan Islam (IBS)
Universiti Utara Malaysia
asmadinam@gmail.com

Menjadi asas ulama dalam memberi sebarang pandangan sebenarnya ialah berpegang kepada al-Quran dan sunnah. Sekiranya sesuatu isu tidak diperkatakan oleh al-Quran dan sunnah secara langsung, mereka merujuk kepada fatwa Sahabat Rasulullah ﷺ. Sekiranya tiada, mereka akan melihat hukum-hukum yang dikeluarkan oleh para ulama muktabar dan penghujahan-penghujahan dalam kitab-kitab mereka. Inilah tradisi ilmu ulama.

Q Siapakah paling memahami syariat?

A Secara terperinci, generasi para Sahabat r.a. merupakan golongan yang paling berautoriti dan lebih

memahami pentafsiran al-Quran dan penghuraian al-hadis. Fakta ini dipegang kukuh oleh ulama di atas sifat generasi para sahabat pernah hidup dalam zaman kenabian.

Q Bagaimana dengan masa kini?

A Ulama tabi'in (selepas sahabat) merupakan rujukan di dalam tradisi ilmu Islam. Mereka mempertahankan keaslian pentafsiran al-Quran dan penghujahan al-hadis dari dipengaruhi oleh unsur-unsur luaran. Pada waktu itu, lahir fuqaha al-tabi'in iaitu antaranya; Said bin al-Musayyib di Madinah, Alqamah bin Qais al Nakha'i di Iraq, Mujahid bin Jubair al-Makki di Makkah, Tawus bin Kisaan al-Yamani al-Janadi di Yaman, Abu Idris al-Kahluni 'Aizullah bin Abdullah di Syam dan Yazid bin Abi Habib di Mesir

Ulama-ulama tabi'in ini berhujah bersandarkan al-Quran, al-hadis dan fatwa-fatwa sahabat.

Q Pada zaman apakah Islam telah mencapai kejayaan?

A Tabi' al-tabi'in adalah pengikut tabi'in. Zaman tabi' al-tabi'in merupakan zaman imam-imam mazhab. Mereka yang berusaha memastikan keaslian pentafsiran al-Quran dan penghuraian al-hadis.

Mereka memperincikan kaedah dalam menetapkan fatwa serta memperkukuhkan dengan disiplin ilmu yang mantap. Kesemua golongan ini termasuk di dalam apa yang disebut di dalam hadis Rasulullah ﷺ: *"Sebaik-baik umatku ialah yang hidup pada kurunku, kemudian yang mengikuti zaman mereka dan kemudian yang mengikuti zaman mereka."* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Q Adakah Imam Shafiqi tidak termasuk di dalam golongan tersebut?

A Sebenarnya Imam Syafiqi r.a. meneruskan tradisi tersebut dan mempertahankan tradisi keilmuan Islam untuk memastikan keaslian pentafsiran al-Quran dan penghuraian sunnah. Imam Syafiqi mendapati bahawa di depannya khazanah ilmu Islam yang hebat. Beliau

Sepakat ulama usul bahawa mazhab orang-orang awam, ialah mazhab muftinya.

mempunyai ilmu fiqh Madinah, kerana perguruannya dengan Imam Malik r.a. Beliau juga mempunyai ilmu fiqh Iraq, kerana perguruannya dengan Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani dan fiqh Makkah kerana beliau tinggal di sana. Beliau menyedari terdapat perdebatan antara pengikut fiqh Makkah, fiqh Madinah dan fiqh Iraq. Menyedari hakikat tersebut, beliau menulis kitabnya al-Risalah, sebagai satu metod kepada penghuraian al-Quran dan sunnah sebagai jawapan kepada perdebatan di antara mazhab fiqh-fiqh tersebut.

Tradisi ilmu Islam ini berterusan kepada ulama-ulama selepas zaman Imam-Imam mazhab. Mereka memperjelaskan dan menghuraikan lagi kaedah atau metod yang telah digariskan oleh imam-imam mereka dalam mentafsirkan hukum-hukum daripada al-Quran dan sunnah. Mereka berijtihad kerana pintu ijtihad sentiasa terbuka. Ada yang mengatakan pintu ijtihad tertutup, bukan kerana ia tertutup, tetapi kerana lahir ramainya golongan jahil tetapi merasa dirinya alim lalu berijtihad natijahnya pandangan itu melencong dari gagasan yang dibawa oleh al-Quran dan al-sunnah.

Q Banyak dalaman masyarakat upaya tidak mempercayai pandangan ulama-ulama silam dan menuduhnya sebagai demata-mata pandangan atau ijtihad tanpa asas. Justeru, segala pandangan ulama silam yang tidak berdalil, perlu ditolak mentah-mentah.

Q Itu sebenarnya sangkaan-sangkaan liar. Sebagai ulama muktabar, mereka mempunyai banyak pertimbangan apabila memberikan pandangan. Mereka mengkaji hadirin di depan mereka yang berkemungkinan tidak memerlukan dalil. Sangkaan liar ini berlaku kerana semakin tipis sikap bersangka baik dengan imam-imam tersebut. Walhal, pandangan imam-imam tersebut sudah dikira dalil bagi masyarakat awam. Atas dasar itu Imam al-Syatibi mengatakan (rujuk Al-Shatibi (2002). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah. V.4, ms. 77-78):

Pandangan dua orang mujtahid itu di sisi seorang awam ialah umpama dua dalil bagi seorang mujtahid.

Maka menjadi tugas orang-orang awam memilih yang kuat daripada pandangan tersebut melalui melihat sifat-sifat mujtahid seperti lebih berilmu, bertaqwa dan sebagainya.

Q Adakah baik sekiranya ulama-ulama itu membolehkan dalil kepada masyarakat yang mempercayai pandangan mereka?

A Secara realiti kita dapat melihat, kalau diberikan dalilpun, orang-orang awam tidak tahu sahih atau dhaif; cara penghujahannya; atau nasikh atau mansukhnya. Hasilnya dia kena bertanya ustaz yang lain. Bila sahaja bertanya, masih

belum keluar daripada bertaklid sebenarnya. Cuma berubah dari bertaklid imam-imam, kepada bertaklid dengan ustaz-ustaz tersebut.

Justeru itu, sepakat ulama usul bahawa mazhab orang-orang awam, ialah mazhab muftinya. Adakah mereka menganjurkan taklid apabila berpandangan begitu? Sebenar tidak, sebaliknya realiti membuktikan mustahil menjadikan semua orang mujtahid.

Atas sebab itu, Imam Ghazali menambah bahawa secara praktisnya, mewajibkan semua orang menjadi mujtahid adalah mustahil kerana tidak semua orang mampu mencapai tahap berkenaan. Sama juga seperti bidang-bidang lain dalam kehidupan atau dalam industri, tidak semua orang dituntut untuk menjadi 'pakar' (mujtahid) dalam bidang berkaitan. Pemikiran sebegini hanya akan menyebabkan kemunduran.

Bahayanya mencabut kepercayaan masyarakat terhadap imam-imam terdahulu telah dinyatakan oleh al-Sheikh Mahmud Sa'id Mamduh (dalam kitabnya *al-Ta'rif bi Auham man qassama al-Sunnan Ila Sahih wa Dhaif*, jilid 1):

".....memindahkan orang ramai dari mengikuti 'orang yang dekat zamannya dengan Rasulullah', kepada 'seorang yang zamannya jauh daripada Rasulullah, dan menjauhkan mereka daripada mengikuti Imam-imam Mujtahid dan para penghafal hadis kepada mengikutinya seorang sahaja.